

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا، قَالَ: صَدَقْتَ، قَالَ: فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ، قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ، قَالَ: صَدَقْتَ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ، قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا، قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْخُفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوُلُونَ فِي الْبُنْيَانِ، قَالَ: ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ لِي: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مَنِ السَّائِلُ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ

Daripada Saidina Umar *Radhiallahu 'anhu* juga berkata: “Ketika kami duduk di sisi Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* pada suatu hari, tiba-tiba datang seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya, sangat hitam rambutnya dan tidak ada tanda-tanda safar (orang bermusafir). Tidak ada seorang pun di antara kami mengenalinya sehinggalah dia duduk di hadapan Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* lalu merapatkan kedua lututnya kepada lutut baginda”, lalu berkata: “Wahai Muhammad beritahu kepadaku tentang Islam”. Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: “Islam adalah engkau bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah, dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa Ramadhan dan menunaikan haji jika mampu.” Kemudian dia berkata: “Anda benar.” Kami hairan, dia yang bertanya dia juga membenarkan.

Kemudian dia bertanya lagi: “Beritahu kepadaku tentang iman.” Lalu Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: “Engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat dan engkau beriman kepada takdir yang baik atau yang buruk.” Kemudian dia berkata: “Anda berkata benar.”

Lalu dia bertanya lagi: “Beritahu kepadaku tentang Ihsan.” Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “Ihsan adalah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya maka Dia melihat engkau.”

Kemudian dia bertanya lagi: “Beritahu kepadaku tentang kiamat (bila ia akan berlaku)”. Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “Yang ditanya tidak lebih tahu dari yang bertanya.” Dia berkata: “Beritahu kepadaku tanda-tandanya.” Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “Jika seorang hamba melahirkan tuannya dan jika engkau melihat pengembala kambing yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan miskin, (kemudian) berlumba-lumba meninggikan bangunan.”

Kemudian orang tersebut berlalu pergi dan aku (Umar) terdiam seketika. Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bertanya: “Wahai Umar, tahukah kamu siapa yang bertanya itu?” Aku berkata: “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.” Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “Dialah Jibril yang datang kepadamu untuk mengajar agama kamu.”

(Hadis Riwayat Muslim, at-Tirmizi, Abu Daud, dan an-Nasa’i)

Penjelasan Hadis

Ibnu Daqiq al-‘Id berkata, ini merupakan hadis mencakupi dengan amalan-amalan (ibadah) zahir dan batin. Ia juga dikenali sebagai “Ummu as-Sunnah” sebagaimana surah al-Fatihah dinamakan sebagai “Ummu al-Quran”. Hadis ini termasuk hadis mutawatir kerana telah diriwayatkan oleh lapan orang sahabat iaitu Abu Hurairah, Umar, Abu Dzar, Anas, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Abu ‘Amir al-‘Ash’ari, dan Jarir al-Bajali.

Faedah Hadis:

Memperelok Pakaian & Penampilan

Dituntut untuk berpakaian yang elok, bersih, memakai wangian ketika masuk masjid atau menghadiri majlis ilmu dan sentiasa beradab di dalam majlis ilmu dan ulama. Malaikat Jibril ‘Alaihissalam di dalam hadis ini datang sebagai seorang guru untuk mengajar manusia (sahabat-sahabat Nabi) dengan akhlak dan ucapannya.

Makna Islam

Islam dari segi bahasa ialah melaksanakan atau menyerahkan kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Dari segi syara' pula ialah melaksanakan asas yang lima iaitu:

1. Penyaksian bahawa tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan-Nya.
2. Mendirikan solat pada waktu-waktu yang ditetapkan dengan syarat-syarat, rukun-rukun yang sempurna, adab-adab dan sunat-sunat dalam solat.
3. Mengeluarkan zakat.
4. Berpuasa di bulan Ramadhan.
5. Menunaikan haji sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan.

Makna Iman

Iman dari segi bahasa ialah membenarkan manakala dari segi syara' ialah membenarkan dengan pasti bahawa kewujudan Allah yang Maha Pencipta tiada sekutu bagi-Nya.

Beriman (percaya) kewujudan malaikat di mana mereka merupakan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang mulia. Mereka tidak berbuat maksiat kepada Allah *Subhanahu wata'ala* sebagaimana apa yang telah diperintahkan dan melaksanakan apa yang diperintahkan ke atas mereka. Mereka dicipta daripada cahaya, tidak berjantina, tidak berketurunan dan tidak makan atau minum. Bilangan para malaikat tidak diketahui melainkan Allah *Subhanahu wata'ala* Yang Maha Mengetahui.

Beriman (percaya) dengan kitab-kitab samawi yang diturunkan di sisi Allah *Subhanahu wata'ala* dan ianya juga merupakan syari'at yang ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* untuk panduan kepada manusia.

Beriman (percaya) dengan semua nabi dan rasul yang telah diutuskan oleh Allah *Subhanahu wata'ala*. Mereka dipilih oleh Allah *Subhanahu wata'ala* untuk memberi bimbingan dan petunjuk kepada hamba-hamba-Nya. Diturunkan kepada mereka kitab samawi untuk dijadikan panduan kepada umat. Oleh itu, kita mesti berpegang dengan penuh keyakinan bahawa rasul-rasul merupakan hamba Allah yang maksum (terpelihara daripada dosa).

Beriman (percaya) dengan hari akhirat, iaitu hari di mana manusia dibangkitkan dari kubur-kubur mereka dan diperhitungkan amalan mereka serta diberi balasan baik (syurga) atau buruk (neraka). Beriman (percaya) dengan setiap yang berlaku di alam ini adalah dengan kekuasaan dan kehendak-Nya.

Makna Ihsan

Ihsan ialah ikhlas dan itqan iaitu tulus dan murni dalam melaksanakan ibadah kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dengan kesungguhan dan ketekunan yang maksimal seakan-akan kita melihat Allah *Subhanahu wata'ala* setiap kali melakukan ibadah kepada-Nya. Seandainya tidak mampu berbuat demikian maka ingatlah bahawa Allah *Subhanahu wata'ala* sentiasa mengawasi kita zahir dan batin.

Kiamat dan Tanda-tandanya

Pengetahuan tentang hari kiamat bilakah akan berlaku hanya di dalam pengetahuan Allah *Subhanahu wata'ala* sehingga tidak ada satu pun daripada makhluk-Nya walaupun rasul-rasul juga tidak mengetahui waktu kiamat akan berlaku. Oleh kerana itu, ketika Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ditanya oleh Malaikat Jibril '*Alaihissalam*', baginda hanya menjawab "yang ditanya tidak lebih tahu dari yang bertanya" dan hanya menjawab tanda-tanda sebelum berlaku kiamat.

Di antara tanda-tanda kiamat ialah:

1. Kerosakan dunia di mana akhlak manusia banyak rosak sehingga banyak derhaka kepada kedua-dua orang tua dan sentiasa berselisih (bertengkar) dengan mereka. Mereka melayani kedua-dua orang tua seperti hamba.
2. Orang berlumba-lumba membangun dan meninggikan bangunan.
3. Sesuatu urusan atau perkara diberikan kepada orang yang bukan ahlinya.
4. Banyak orang mengumpul harta dan boros dalam membelanjakan harta.

Bertanya tentang ilmu

Seseorang Muslim seharusnya bertanya perkara yang mendatangkan faedah kepada dirinya sama ada urusan duniawi atau ukhrawi serta meninggal bertanya tentang sesuatu yang tidak membawa faedah sama sekali. Seperti seorang yang hadir ke majlis ilmu yang berhajat untuk mengetahui satu isu yang tidak ditanya oleh seorang pun dalam majlis tersebut, maka dia boleh bertanya tentang isu tersebut agar dia boleh faham, tahu dan orang hadir juga dapat manfaat dari jawapan pertanyaan tadi. Jika seseorang ditanya tentang sesuatu perkara dan dia tidak mengetahui jawapannya, seharusnya dia menjawab: "Aku tidak tahu", kerana ini menunjukkan dalil atau bukti wara' (berhati-hati dan menjaga) dari menyampaikan sesuatu yang tidak diketahui.

Wallahu 'alam.